

PEMBANGUNAN 1960-AN

DARIPADA KATA-KATA
TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

23.2595
ARA

Abdul Rahman Abdul Aziz

PEMBANGUNAN 1960-AN

DARIPADA KATA-KATA
TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

WITH BEST COMPLIMENTS

FROM

INSTITUTE OF
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD'S THOUGHTS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

PEMBANGUNAN 1960-AN

DARIPADA KATA-KATA
TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

Abdul Rahman Abdul Aziz



ITBM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia



Institut Pemikiran
Tun Dr. Mahathir Mohamad

INSTITUTE OF TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD'S THOUGHTS


Universiti Utara Malaysia

Kuala Lumpur
2014

PUSTAKA PERDANA



1010665



217450

Buku **PEMBANGUNAN 1960-an: Daripada Kata-kata Tun Abdul Razak Hussein** ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Diterbitkan oleh:

INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat: 276206-D)

Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E

Seksyen 10, Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel.: 603-4145 1800 Faks: 603-4142 0753

E-mel: publishing@itbm.com.my Laman Web: www.itbm.com.my

Cetakan Pertama 2014

Penerbitan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad

Teks © Abdul Rahman Abdul Aziz

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (sebelum ini dikenal sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad), Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Abdul Aziz, 1955

Pembangunan 1960-an: daripada kata-kata Tun Abdul Razak Hussein / Abdul Rahman Abdul Aziz.

Mengandungi indeks

Rujukan: hlm. 111

ISBN 978-967-430-668-7

1. Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, 1922-1976.
2. Speeches, addresses, etc. 3. Prime ministers--Malaysia.
4. Politicians--Malaysia. I. Judul.

923.2595

Dicetak di Malaysia oleh:

Mihas Grafik Sdn. Bhd.

No. 9 Jalan SR 4/19

Taman Serdang Raya

43300 Seri Kembangan

Selangor

923.2595
ABA



KANDUNGAN

<i>Pengenalan</i>	<i>vii</i>
Latar Diri	1
Rancangan Pembangunan Luar Bandar	29
Transformasi Sosial Luar Bandar	45
Bilik Gerakan, Buku Merah, FELDA: Penggerak, Peneroka & Penilai	61
Pembangunan Luar Bandar: Perencana, Penyempitan Jurang & Pemangkin Perpaduan Kaum	71
Pembangunan Luar Bandar: Pembentuk Sistem Nilai-Budaya Baharu	85
Keterlibatan Tun Razak Merealisasikan Pembangunan Negara 1956–1970	93
Legasi	103
Penutup	109
Rujukan	111
Indeks	113

Pengenalan

BUKU ini membincangkan sumbangan Tun Razak dalam pembangunan luar bandar di Malaya/Malaysia pada tahun 1960-an. Walaupun beliau banyak melakukan sumbangan-sumbangan lain, terutama selepas tahun 1970, tetapi pembangunan luar bandar ialah *commitment* dan *passion* serta sinonim dengan legasi Tun Razak. Oleh itu, objektif utama tulisan ini adalah untuk menganalisis pemikiran beliau tentang perubahan struktur pentadbiran perkhidmatan awam, terutama yang bersangkutan dengan pembangunan luar bandar, penubuhan institusi-institusi, melancarkan transformasi sosial dan gerak kerja beliau yang bersangkutan dengan pembangunan luar bandar.

Sumber utama yang mencanaikan tulisan ini ialah ucapan-ucapan beliau selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar merangkap Timbalan Perdana Menteri. Seboleh mungkin, ungkapan-ungkapan yang melakarkan kata-kata Tun Razak dikekalkan, diberikan sedikit ulasan dan dijalinkan temanya, supaya retoriknya indah dan memudahkan. Ungkapan-ungkapan Tun Razak mengenai pembangunan amat menarik, terutamanya pada tahun 1960-an, kerana sebagai pemimpin utama negara, beliau turun ke lapangan untuk menjelaskan tentang manfaat pembangunan. Justeru, fokus tulisan ini ialah jangka masa antara tahun 1956 hingga 1970, iaitu tempoh Tun Razak menumpukan perhatian pada pembangunan luar bandar.

Jasa Tun Razak amat besar, terutama pada kebanyakan individu yang tergolong dalam generasi tahun 1950-an, kerana mereka membesar dalam era pembangunan luar bandar, menginjak naik pada tahap-tahap pendidikan menengah dan tinggi dalam era Dasar Ekonomi Baru, dan kini memegang gelaran dalam pelbagai bidang profesional daripada pelbagai bidang keilmuan. Semuanya bermula daripada kesungguhan Tun Razak melancarkan program pembangunan luar bandar, yang telah memungkinkan anak petani, nelayan, pemandu lori, pemandu bas, guru-guru sekolah rendah, peniaga kecil

di kampung dan sebagainya, melalui anak-anak tangga mobiliti sosial, sehingga hari ini mereka menggunakan pelbagai gelaran dalam bidang profesional. Semenjak tahun 1956, Malaya telah membentuk Rancangan Malaya Pertama (1956–1960) dan wawasan Rancangan Malaya Kedua (1961–1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1966–1970), begitu jauh sehingga memungkinkan peningkatan bilangan kelas menengah terutama dalam kalangan Melayu menjadi kenyataan. Mereka yang asalnya dari kampung-kampung telah berjaya menapak mobiliti sosial melalui pendidikan yang dibiayai oleh pemerintah.

Tun Razak terlibat secara langsung dalam menggerakkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun sejak tahun 1956, iaitu: “Rancangan Pembangunan Malaya Pertama 1956–1960”, “Rancangan Malaya Kedua 1961–1965” dan “Rancangan Malaysia Pertama 1966–1970”. Penekanan Tun Razak pada pembangunan luar bandar adalah penting dalam lintasan sejarah Malaysia, kerana di sinilah beliau telah memperlihatkan keupayaan bertindak dan berpengaruh, yang sehingga hari ini membentuk haluan dalam sejarah pembangunan Malaysia. Dalam masa yang sama, segala usaha Tun Razak dalam pembangunan luar bandar telah menjadi penawan imiginasi dan pembina keyakinan generasi ketika itu, yang kemudiannya, mereka dapat melihat hasilnya pada tahun 1970-an dan seterusnya. Tun Razak (1964) sering kali menegaskan:

“Our Development Plan is national in character, national in intent and in scope. We carry out development in accordance with priorities because our intention first and foremost to give all our people of all races wherever they live the basic amenities of life and to raise their standard of living so that they can live a decent, civilised human beings.”

Latar diri Tun Razak dibentangkan secara menyeluruh untuk mengenali tokoh ini. Tokoh yang banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara ini ialah Menteri Pelajaran Pertama Tanah Melayu, Menteri Pertahanan ketika negara ini dilanda oleh ancaman pengganas komunis, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai tahun 1959. Di samping itu, beliau ialah Timbalan Perdana Menteri selama 15 tahun kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia Pertama. Pada tahun 1971 hingga pulang ke rahmatullah pada Januari 1976, beliau ialah Perdana Menteri Kedua Malaysia. Fokus tulisan ini adalah terhadap rancangan pembangunan luar bandar, terutamanya proses transformasi sosial, dan untuk meninjau impaknya kepada generasi Melayu khususnya dan Malaysia amnya pada tahun 1970-an dan seterusnya.

Latar Diri

TUN Razak lahir daripada keluarga bangsawan Pahang pada 11 Mac 1922 di Kampung Pulau Keladi, Pekan. Bapa beliau berketurunan bangsawan, kemudiannya dipilih untuk menjadi pegawai tadbir. Bapanya, Dato' Hussein bin Awang Muhammad Taib pada 3 Mac 1930 mewarisi gelaran “Orang Kaya Indera Shahbandar” atau disebut Dato' Shahbandar, adalah antara yang terawal belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Pada usia 22 tahun, Dato' Hussein mendirikan rumah tangga dengan Teh Fatimah binti Daud dari Pulau Keladi. Tun Razak dilahirkan di rumah datuk sebelah ibu, kerana ketika itu ayahnya Dato' Hussein bertugas di Pejabat Daerah Raub.

Proses sosialisasi yang dilalui oleh Tun Razak sejak kecil adalah dalam suasana kekeluargaan pemimpin. Kedudukan bapanya selaku pegawai pentadbiran negeri Pahang yang dihormati, pohon teduh tempat berlindung, serta digeruni kerana kuasa yang dipertanggungjawabkan, telah menyebabkan Tun Razak tersemat daya kepemimpinan, kesudian untuk melindungi dan membantu, serta dihormati oleh rakan-rakan setempat. Sewaktu berkunjung ke Temerloh dan Lipis, Tun Razak sering melihat bapanya melibatkan diri dalam pelbagai masalah rakyat. Sebagai seorang pentadbir, bapa beliau dikunjungi rakyat untuk menyelesaikan soal-soal berkaitan tanah, pergaduhan tetangga, sehinggalah masalah yang bersangkutan dengan politik.

Di sinilah Tun Razak melihat peranan orang penting yang dipikul oleh bapanya. Kehidupan orang penting adalah untuk menyumbangkan kebaktian kepada kehidupan orang lain. Juga, orang penting seperti bapanya mempunyai kedudukan yang istimewa, kerana dapat bergaul luas, daripada orang kampung hinggalah kepada Residen Inggeris (Nabir Haji Abdullah, 2008, hlm. 457). Justeru, sejak dilahirkan ke dunia, anak sulungnya diberi nama “Abdul Razak”. Nama Abdul Razak bermaksud “Hamba Allah yang Memberi”. Benar seperti maksud namanya “Hamba Allah yang Memberi”, Tun Abdul Razak diakui oleh kawan dan lawan tentang kedinamikan

personalitinya dalam era awal kemerdekaan Tanah Melayu, pembentukan Malaysia, dan, selepas tahun 1970-an.

Ekosistem keluarga orang penting membentuk personaliti Tun Razak untuk menjadi pemimpin, kerana, pemimpin ialah individu yang membantu masyarakatnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan ideanya yang bernas. Pemimpin ialah penganjur yang memujuk orang lain untuk melaksanakan ideanya. Ini bermakna seseorang itu dianggap pemimpin apabila mempunyai kebolehan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah masyarakatnya dengan idea yang bernas dan setelah itu memantau dan menilai pelaksanaan dengan baik. Dalam konteks Tun Razak, beliau telah melaksanakan tugas kepemimpinan masyarakatnya, dengan menganjurkan peralihan daripada nilai lama kepada nilai baharu yang difikirkan boleh memajukan masyarakatnya. Tindakan Tun Razak adalah seperti yang digambarkan oleh William James (<http://www.leadersbeacon.com/keyword/william-james/>) seorang sarjana kepemimpinan:

Leaders exist so that they may be better organisations, better adaptation. They are viewed as essential in that they formulate theories, policies and ideals that give direction, and character to an age and their presence and character help to define the character of society. The quality of their contribution is such that history is substantially changed.

Seorang pemimpin mestilah mempunyai pengikut. Pengikut-pengikut ini sangat penting, kerana tanpa mereka, idea dan kebolehan pemimpin itu tidak akan dihargai, dipuja, dan berjaya dianjurkan kepada masyarakat umum. Semakin dalam pengaruh yang dapat ditanam oleh seseorang pemimpin, semakin ramai pengikut yang terkumpul untuk melaksanakan ideanya. Apabila keadaan ini berlaku, seseorang pemimpin itu dianggap istimewa, punyai sifat-sifat luar biasa daripada manusia-manusia lain. Seperti kata Michael Willner (<http://books.google.com.my/books>):

Leaders frequently are believed by their followers to have skills or qualities necessary to accomplish tasks or further goals important to them. Leaders are often perceived by their followers to possess qualities regarded as admirable in their particular cultures, such as wisdom, foresight, firmness, benevolence, quile, strength of character of subtlety.

Seorang pemimpin itu ialah manusia agung zamannya. Keagungannya itu mewakili zamannya. Keagungannya itu menjadikan zamannya sangat bermakna, penting dan menonjol sekali. Dengan mengkaji kepemimpinannya, zamannya dapat dihuraikan. Di samping itu, Tun Razak ialah seorang pemimpin “patriotik” kerana mereka dalam takrifan ini banyak merancang

dan melaksanakan program untuk kepentingan bangsa dan negara. Sejak Malaya/Malaysia mencapai kemerdekaan Tun Razak telah melaksanakan peranan sebagai orang nombor dua yang setia dan terus berperanan untuk meneguhkan kedudukan Tunku Abdul Rahman Putra. Pada kedudukannya itu Tun Razak telah meninggalkan sumbangan dalam bidang pendidikan, pembangunan luar bandar, keselamatan dan dasar luar negara.

Pendekatan Tun Razak dalam menggerak dan memantau perjalanan proses pembangunan luar bandar adalah ala tentera, lengkap dengan arahan-arahan dalam bentuk Buku Merah dan Bilik Gerakan untuk memerangi kemiskinan dan kemunduran. Institusi-institusi diwujudkan antaranya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA,) Bank Bumiputra, dan institusi-institusi yang dikira dapat menarik atau mewujudkan penyertaan orang Melayu dan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Dasar Malaya untuk membangunkan luar bandar adalah antara faktor penarik kepada kecenderungan Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1963. Hegel seorang ahli falsafah Jerman yang tersohor pernah mengatakan:

Manusia agung sesuatu zaman ialah manusia yang dapat menyatakan dengan perkataan kehendak zamannya, memberitahu zamannya apakah kehendaknya itu, dan mencapainya apa yang dilakukannya adalah punca dan jiwa zamannya, dia menjadikan zamannya satu kenyataan.

(Ramlah Adam, 2008, hlm. 34–35)

Malah, dalam konteks ini, Tun Razak dikatakan sebagai, “*For he is the author of new hope for the millions in our rural areas – areas that had been neglected for centuries*” (J. Victor Morais, 1969, hlm. xviii). Ibarat sebuah buku, Tun Razak ialah pengarang yang amat aktif merencanakan pembangunan luar bandar. Tidak berlebihan jika dikatakan Tun Razak meletakkan “jiwa/hatinya” pada kemajuan hidup masyarakat luar bandar. Walaupun beliau memberi fokus pada pembangunan luar bandar, namun, seperti kata Tun Razak:

Rural Development has benefitted people in the urban areas because prosperity in the urban areas must depend on the prosperity of the people in the rural areas who form the majority of our population. If the people in the rural areas have a better standard of living, have a higher income, there is more money in the country and when there is more money, there is increased demand for goods and this in turn means better business for the people in the urban areas. So, our National Rural Development Programme has benefitted everyone both in the rural and the urban areas and has benefitted the country as a whole.

(Abdul Razak Hussein, 1964, hlm. 67)

Tun Razak ialah seorang pemimpin yang berjaya mencipta sejarah masyarakatnya, keluar daripada belenggu kesempitan kehidupan luar bandar. Sehingga di mana-mana Bilik Gerakan yang menjadi nadi pembangunan luar bandar terpampang akronim KEMAJUAN yang membawa maksud, **K** ialah “Kerajaan membantu rakyat maju”; **E** ialah “Elokkan ekonomi meningkatkan mutu”; **M** ialah “Majukan tanah jangan berleengah”; **A** ialah “Asas ekonomi terletak di bumi”; **J** ialah “Jimat cermat membawa rahmat”; **U** ialah “Usaha belajar bertambah sedar”; **A** ialah “Amalan budaya sendi negara”; dan, **N** ialah “Nusa merdeka rakyat bahagia”. Kegigihan Tun Razak melaksanakan pembangunan luar bandar adalah untuk mencapai tahap keseimbangan antara luar bandar dan bandar, seperti ditegaskan dalam wawasannya:

It is easy for people to talk that there should be equalities for all. But before we could have equalities or equal opportunities for all our people, the conditions in the various areas in which our people live must be changed and must be brought up to a level in which it will be possible for them to have equal opportunities. In the past, under Colonial rule, the rural people were neglected. There were no means of communication. There were no social amenities. There were very few schools. So the rural people had very limited opportunities of life, in particular, opportunities for education. Therefore, all this must be changed so that, as I said, our people of all races, wherever they may be, will be able to have the basic amenities of life and also opportunities for higher and better standard of living.

(Abdul Razak Hussein, 1964, hlm. 68)

Walaupun lahir daripada keturunan bangsawan, namun beliau dibesarkan dalam keadaan sederhana di Kampung Jambu Langgar, Pekan. Kedudukan kampung ini adalah di seberang sungai, dan jaraknya dengan istana Sultan Pahang di Pekan adalah lebih kurang lima batu. Kampung Jambu Langgar terletak rumah sebelah bapanya. Manakala, Kampung Pulau Keladi rumah sebelah ibunya. Tun Razak sejak kecil telah melihat kesusahan, kemiskinan dan kemelaratan hidup orang Melayu bawah kekuasaan British. Namun, setelah berkuasa beliau tidak mahu menjadikan British sebagai modal politik untuk menarik simpati, tetapi dengan tegas merancang program-program pembangunan untuk membela nasib bangsa. Tun Razak mengatakan:

There is a tendency, throughout the world, of each and every new nation, once it has thrown off the yoke of colonialism, to waste a lot of time and energy bemoaning the past, and bemoaning the defects of their colonial heritage, instead of focussing all their resources on the future and harnessing all their energies towards building a better country.

(J. Victor Morais, 1969, hlm. 215)

Tun Razak ialah seorang realis, melihat ke hadapan, mereka bentuk masa depan yang diinginkan, melakukan yang patut untuk masa depan yang lebih baik. Keyakinan Tun Razak adalah terhadap pembangunan, kerana hanya melalui program-program yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik, rakyat akan menikmati faedahnya dalam masa terdekat. Justeru, beliau percaya:

We cannot change the past – the fact that we in Malaysia were once under a colonial rule is part of history and there is nothing that we can do to erase that from history – but we here believe that we can, as an independent Nation, shape the future and determine our own destiny and speed and speed up our own Development.

(J. Victor Morais, 1969, hlm. 215)

Sebagai pemimpin yang bersemangat patriotik dan memahami amanah politik yang dipertanggungjawabkan, beliau telah menggerakkan tenaga pegawai-pegawai kerajaan untuk mempercepatkan proses pembangunan. Justeru, Tun Razak mempunyai hasrat yang tinggi untuk rakyat Malaysia, untuk menikmati kehidupan hari esok yang jauh lebih baik daripada hari ini. Pembangunan telah menjadi strategi pemasaran politik Parti Perikatan sejak Merdeka hingga merentasi tahun-tahun 1960-an. Beliau menegaskan:

If, by chance, in fulfilling this determination we turn to our friends of the Free World, for technical aid and assistance; we do so, in the belief that it is our duty as leaders of this country, to obtain for our people, the very best that the world can offer.

(J. Victor Morais, 1969, hlm. 215)

Sebagai seorang pemimpin yang terdidik dalam bidang undang-undang dan sejak awal usia terlibat dalam pentadbiran, Tun Razak mengenali sifat British, yakni:

There is nothing so bad or so good that you will not find Englishmen doing it; but you will never find an Englishman in the wrong. He does everything on principle. He fights you on patriotic principles; he robs you on business principles; he enslaves you on imperial principles.

(George Bernard Shaw, 1956–1950)

Pada hemat beliau, tidak ada gunanya berhujah dan menyalahkan British, kerana mereka ialah bangsa yang pandai mereka-reka alasan atas setiap tindakan yang telah dilakukan. Justeru, beliau tidak terikut-ikut dengan cara sesetengah pemimpin negara rantau ini, yang lebih suka menyalahkan orang lain daripada menyejatkan pembangunan, kerana rakyat yang lemah dari segi

pelajaran dan kurang berinteraksi dengan budaya-budaya lain, lebih senang untuk dialihkan fikiran kepada alasan-alasan, terutama alasan menyalahkan sesuatu atau seseorang. Namun sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, beliau lebih suka menghadapi kenyataan sebenar, kerana, tugas pemimpin adalah untuk menyedarkan, merencanakan dan melaksanakan pembangunan. Tun Razak menegaskan:

The first basic for economic development, is the type of political leadership which will not waste national emotions on non-essential rabble-rousing or continuous beating the corpse of colonialism and imperialism but on political leadership that can channel national emotions into action and national energies into development results.

(J. Victor Morais, 1969, hlm. xxvi)

Implikasi daripada tindakan pemimpin yang bertujuan seperti Tun Razak ialah lahirnya “*blue-print*” pembangunan luar bandar yang komprehensif. Beliau sedar akan usaha yang beliau terokai itu sukar, namun, lebih baik beliau menyalakan lilin daripada memaki hamun kegelapan. Justeru, Tun Razak dikenali:

Tun Razak's imaginative thinking and planning, his optimism and courage and his dedication and sincerity have produced for Malaysia a blue-print development which is unique in the history of new and independent developing nations.

(J. Victor Morais, 1969, hlm. xxix)

Tun Razak memulakan persekolahan pada usia enam tahun, di sekolah Melayu di kampungnya. Jarak sekolah dengan rumah beliau lebih kurang satu batu, merentas jalan tanah dan berkaki ayam ke sekolah. Beliau belajar di sekolah kampung sehingga Darjah Empat, waktu petangnya beliau mengikuti kelas al-Quran. Ketika zaman British, status sosial keluarga memainkan peranan kepada pelunjuran untuk menyambung pelajaran. Menjelang akhir tahun 1933, beliau telah dipilih oleh Residen British untuk menyambung pelajaran ke Malay College Kuala Kangsar (MCKK), sekolah elit yang dikhususkan untuk anak-anak raja dan bangsawan. MCKK ketika itu menyediakan mereka untuk menjawat jawatan pentadbir. MCKK menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. William Shaw (1977, hlm. 26) menjelaskan bahawa seluruh orientasi pelajarannya berdasarkan *Public School* di Britain. Maka, tidak hairanlah MCKK diberikan julukan sebagai *Eton of the East*. Pada tahun 1937, Tun Razak lulus *Junior Cambridge* dan pada tahun 1938, beliau lulus pula *School Certificate*.

Pada pertengahan tahun 1939, Tun Razak dilantik sebagai Pegawai Percubaan dalam *Malay Administrative Service* atau singkatan M.A.S. Pada 31 Mei 1940 dalam usia 18 tahun, Tun Razak dianugerahkan biasiswa untuk mengikuti pengajian *Diploma in Arts* selama tiga tahun di Raffles College, Singapura. Pertama kali beliau berdepan dengan bukan Melayu adalah di kolej ini dan ketika itu beliau dapat memahami pelajar Cina dan India tidak menyenangi sikap British yang memberi keutamaan kepada orang Melayu, terutama dalam pemberian biasiswa. Pelajar Melayu amat sedikit bilangan yang terpilih untuk mengikuti pengajian di King Edward College of Medicine dan Raffles College.

Tun Razak mengenali erti perjuangan nasionalisme dan politik melalui pergaulannya dengan pelajar-pelajar Melayu yang menjadi ahli Persatuan Islam di kedua-dua kolej tersebut. Mereka membincangkan soal-soal ketidakadilan pentadbiran penjajah terhadap orang Melayu yang berpelajaran. Pertama, mereka tidak berpuas hati dengan anugerah diploma bukan ijazah setelah tamat pengajian di Raffles College. Kedua, kurangnya bilangan penerima biasiswa untuk menyambung pelajaran ke luar negara. Ketiga, orang-orang Melayu atau anak-anak Asia yang bertugas sebagai doktor diberi gaji yang lebih rendah daripada doktor bangsa Eropah. Keempat, pegawai-pegawai percubaan yang lulus latihan sebagai M.A.S. (*Malay Administrative Service*) hanya diberikan jawatan rendah dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu.

Suasana aman untuk menimba ilmu hanya berlangsung kira-kira setahun. Tun Razak dan penduduk Tanah Melayu menerima kesengsaraan hidup bawah pendudukan Jepun. Sewaktu ini beliau tinggal di Kampung Jambu Langgar, Pekan. Beliau menjadi orang kampung dan menampung hidup dengan bercucuk tanam, bersawah padi dan memancing ikan. Bapanya, ketika itu ialah Pegawai Daerah Bentong. Tun Razak tentu sekali bosan dengan cara hidup yang demikian, walaupun dari segi keselamatan dan keselesaan hidup begitu sesuai dengan keadaan terhimpit zaman pendudukan Jepun. Tun Razak kemudian meminta bapanya mencarikan pekerjaan untuk beliau, namun bapa beliau tidak dapat menolong kerana hal ehwal pentadbiran negeri bawah kekuasaan Jepun. Tun Razak telah meminjam wang beratus ringgit untuk memulakan penerbitan sebuah akhbar mingguan yang diberi nama *Gegaran Masa* atau *Alter the Present*. Akhbar ini tidak dapat bertahan lama, Tun Razak telah menanggung hutang selepas itu. Apabila Tun Razak pulang ke Bentong, beliau terkejut melihat keadaan bapanya yang hampir-hampir rosak fikiran, akibat daripada tekanan dan himpitan kehidupan dalam zaman yang tidak menentu.

Bagi melegakan tekanan pentadbiran Jepun terhadap bapa dan keluarga, Tun Razak mencari jalan untuk meyakinkan pihak Jepun bahawa keluarganya bukanlah bersemangat antifasis. Tun Razak telah mempelajari bahasa dan kebudayaan Jepun bersungguh-sungguh. Kemudian, Tun Razak diberi pekerjaan sebagai Kerani di Pejabat Daerah Bentong. Waktu itu jawatan kerajaan ialah jaminan ekonomi dan keselamatan diri dan keluarga. Pihak pentadbiran Jepun ketika itu hanya mempercayai orang Melayu dan orang India bagi menjadi kakitangan, manakala orang Cina amat dicurigai. Setiap orang yang diterima bekerja dengan pentadbiran Jepun terpaksa menjalani latihan indoktrinasi atau *Kao Kungsho* tentang bahasa dan kebudayaan Jepun. Justeru, Tun Razak telah dihantar ke Singapura untuk menjalani latihan tersebut selama enam bulan. Setelah selesai menjalani latihan di Singapura, Tun Razak telah ditugaskan di Pejabat Pentadbiran Kerajaan Jepun di Temerloh, Pahang.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua (1941–1945), British kembali berkuasa di Tanah Melayu, Tun Razak ketika itu mencecah usia 23 tahun. Pada ketika usia yang sedemikian, Tun Razak telah pun dimatangkan oleh suasana negeri dan masyarakatnya, beliau yang memiliki peribadi serius dan suka melakukan tugas pentadbiran telah berusaha untuk mencari peluang untuk menyambung pelajaran. Pelajaran beliau di Raffles College, Singapura, telah tergendala disebabkan oleh peperangan. Justeru, pada tahun 1946 Tun Razak telah memohon biasiswa kerajaan bagi membolehkan beliau menuntut ilmu undang-undang di University of London. Pada 13 Julai 1946 permohonan beliau telah diluluskan, kerana surat akuan yang mengatakan semasa perang beliau ialah anggota pasukan Wataniah yang menentang Jepun. Namun, beliau berasa terkilan kerana syarat yang dikenakan adalah berkebolehan dalam bahasa Latin. Beliau tidak ada kelulusan dalam bahasa Latin, namun dengan semangat untuk menyambung pelajaran, beliau belajar sendiri dan lulus bahasa Latin dalam peperiksaan *London Matriculation* pada Mei 1947. Pada usia 25 tahun pada Mei 1947, beliau telah menandatangani perjanjian untuk memasuki Lincoln's Inn of Court untuk mendapat kelulusan *Barrister-at-Law*.

Pada 27 Ogos 1947 dengan bayaran elaun sebanyak 10 paun untuk perbelanjaan pelayaran, beliau belayar dari Singapura dengan kapal tentera *Scythia*. Di dalam kapal itu beliau ditempatkan bersama 23 orang yang lain, yang punyai sama tujuan untuk menyambung pelajaran di Britain. Beliau amat suka kerana pertama kali ke luar negara. Dalam pelayaran itu, kapal yang ditumpangi telah berlabuh di Bombay, India, kemudian berlabuh pula di Aden

dan meneruskan perjalanan melalui Terusan Suez dan Laut Mediterranean menuju Liverpool, England. Tun Razak selamat mendarat di Liverpool pada 1 Oktober 1947.

Tun Razak lulus peperiksaan akhirnya untuk menjadi peguam dalam tempoh kurang daripada 18 bulan. Namun, beliau terpaksa memenuhi *residential requirement* selama satu setengah tahun lagi untuk ditauliahkan sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara. Ini bermakna pengajian *Barrister-at-Law* ketika itu memakan masa selama tiga tahun. Bagi memenuhi masa yang terluang, Tun Razak telah mendaftarkan diri sebagai *External Student* di University of London untuk mengikuti pengajian *BSc. in Economics*. Dalam masa yang sama pada tahun 1949, Tun Razak telah mengikuti Kursus Devonshire Kedua dalam bidang Ekonomi dan Pentadbiran Awam di University of Cambridge. Beliau sempat menyudahkan peperiksaan peringkat *intermediate* bagi *BSc. in Economics*, tetapi terpaksa pulang ke Pahang, kerana bapanya meninggal dunia pada Mei 1950. Ketika bapanya menerima rawatan di Hospital Besar Kuala Lumpur, rakan karibnya, Taib Andak sering menziarahi dan mengutuskan surat kepada Tun Razak menceritakan perkembangan kesihatan bapanya. Tun Razak menjelaskan peluang beliau untuk menyambung pelajaran pada peringkat ijazah terhenti kerana kematian ayahandanya. Begitu juga Tun Razak menjelaskan tentang kesusahan yang dirasai semasa bersekolah rendah di kampungnya. Beliau menceritakan:

My only claim to fame is one of simplicity. I am a straight forward politician with a simple uncomplex background. And I claimed to know something about Development and the desirability of Development in this country, particularly, Rural Development, because I myself started life in a rural and remote kampong. I started my schooling in a school with an attap roof above me and an earth floor beneath me. I still remember vividly the feel of the mud-floor on my shoe-less feet. I also make claim to be an academic. I only had the good fortune of being able to study law at the Inns of Court in London years later, and although I started to study a little bit of the elements of Economics, I had to give it up owing to the untimely death of my father.

(Abdul Razak Hussein, 1969, hlm. 153)

Semasa tempoh pengajiannya di London, Tun Razak mula berkecimpung dalam kegiatan pelajar. Melalui kegiatan pelajar, beliau terdedah kepada berita-berita perjuangan menuntut kemerdekaan. Sewaktu tinggal di London, Tun Razak berkongsi pangsapuri dengan pelajar undang-undang, Taib Andak. Kemudian dengan Sultan Idris Shah (Sultan Perak sebelum Sultan Azlan Shah) yang ketika itu Raja Muda Perak. Semasa



PEMBANGUNAN 1960-AN

DARIPADA KATA-KATA
TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

Buku ini membincangkan sumbangan Tun Razak dalam pembangunan luar bandar di Malaysia (sebelum ini dikenali Malaya) pada tahun 1960-an. Walaupun Tun Razak banyak menyumbangkan jasa yang lain, terutama selepas tahun 1970, tetapi pembangunan luar bandar ialah *commitment* dan *passion* serta sinonim dengan legasi Tun Razak. Oleh itu, objektif utama buku ini adalah untuk menganalisis pemikiran beliau tentang perubahan struktur pentadbiran perkhidmatan awam, terutama yang bersangkutan dengan pembangunan luar bandar, penubuhan institusi-institusi, pelancaran transformasi sosial dan gerak kerja beliau yang bersangkutan dengan pembangunan luar bandar.

Jasa Tun Razak amat besar, terutama kepada kebanyakan individu yang tergolong dalam generasi 1950-an, kerana mereka membesar dalam era pembangunan luar bandar, menginjak naik pada tahap-tahap pendidikan menengah dan tinggi dalam era Dasar Ekonomi Baru, dan kini memegang gelaran dalam pelbagai bidang profesional daripada pelbagai bidang keilmuan.

UMUM

ISBN 978-967-430-668-7



9 789674 306687

www.itbm.com.my

Sari, Malaysia RM20.00
Sabah/Sarawak RM25.00



Institut Terjemahan & Buku Malaysia



Institut Pemikiran
Tun Dr. Mahathir Mohamad
Universiti Utara Malaysia